

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1992/93**

**April 1993**

**FEL 101 Druq Di Dalam Negara Membangun**

**Masa: (2 jam)**

---

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan dan 3 muka surat yang bertaip.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Dengan menggunakan satu contoh tumbuhan ubat, huraikan perkembangan yang berlaku dalam mengubah tumbuhan tersebut dari bentuk tradisional kepada bentuk moden.
  
- (B) Beri contoh-contoh kegunaan bentuk moden tumbuhan tersebut serta kesan-kesan sampingan yang mungkin timbul.

(20 markah)

2. (A) Ringkaskan tahap-tahap utama dalam pembentukan sesuatu drug untuk tujuan pemasaran.
  
- (B) Bincangkan perubahan-perubahan sejarah dan perundangan penting yang telah mempengaruhi tahap-tahap tersebut.

(20 markah)

3. Apakah kesan-kesan dan masalah-masalah yang didapati dengan terwujudnya industri farmaseutikal moden? Terangkan jawapan anda dengan menyebut faktor-faktor yang terlibat.

(20 markah)

4. (A) Terangkan sistem penjagaan kesihatan yang terdapat di Malaysia sejak tahun enam puluhan.
- (B) Bandingkan sistem ini dengan sistem di sebuah negara membangun yang lain.

(20 markah)

5. Tulis nota ringkas atas empat (4) fungsi utama Bahagian Perkhidmatan Farmasi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

(20 markah)

6. (A) Apakah dia drug 'essential'?
- (B) Huraikan konsep drug 'essential' dan terangkan mengapa konsep ini penting dalam negara membangun khususnya.

(20 markah)